



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA  
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN  
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62592 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8000 8000  
Faks : 03-8882 3893  
03-8882 3894  
Web : www.treasury.gov.my

(8.09)248/39/7-1414(10)

DS 6/2016

17 Mac 2016

Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri  
Jabatan Dasar Percukaian  
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Wisma Hasil, Aras 17  
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8  
63000 Cyberjaya  
**SELANGOR DARUL EHSAN**  
(u.p.: Puan Nor'aini Ja'afar)

Faks: 03-8313 7811

Puan,

Permohonan Pengecualian Duti Setem Bagi Skim Pembiayaan perumahan Sektor Awam dan Skim Pembiayaan Perumahan sektor Awam secara Islam oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)

Dengan hormatnya, saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat Kementerian Kewangan rujukan:(8.09)248/39/7-1414(8) bertarikh 21 Januari 2016 adalah berkaitan.

2. Seperti puan sedia maklum YB Menteri Kewangan bersetuju memberikan pengecualian duti setem ke atas surat cara yang ditandatangani di bawah Skim Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (SPPSA) dan Skim Pembiayaan Perumahan Sektor Awam Secara Islam (SPPSAi) untuk tempoh mulai 4 Jun 2015 sehingga 31 Disember 2016. Kelulusan ini seterusnya akan diberi tanpa had tempoh melalui perundangan subsidiari (Perintah Pengecualian) selepas 31 Disember 2016 selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 80(1) Akta Setem 1949.

3. Pihak Kementerian Kewangan ingin menjelaskan bahawa surat cara yang diluluskan bagi kedua-dua skim tersebut adalah surat cara pinjaman dan surat cara gadaian yang disempurnakan di antara LPPSA dengan orang yang layak seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 23(3) Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015.

Sekian untuk makluman dan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Khodijah Abdullah)  
Setiausaha Bahagian Cukai,  
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan.